



KHUTBAH JUMAAT KHAS PADA 28 APRIL 2017 SEMPENA HARI TLDM KE 83

' TLDM SIAP SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA '

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ . وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ . وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ . فَيَا عِبَادَ اللَّهِ . اتَّقُوا اللَّهَ . أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. فَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ
وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَاسْتَبَشِرُوا ببيعِكُمْ الَّذِي بَايعْتُمْ
بِهِ ۚ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

“SESUNGGUHNYA ALLAH TELAH MEMBELI DARI ORANG-ORANG YANG BERIMAN AKAN
JIWA MEREKA DAN HARTA BENDA MEREKA DENGAN (BALASAN) BAHAWA MEREKA AKAN
BEROLEH SYURGA, (DISEBABKAN) MEREKA BERJUANG PADA JALAN ALLAH MAKA (DI
ANTARA) MEREKA ADA YANG MEMBUNUH DAN TERBUNUH. (BALASAN SYURGA YANG
DEMIKIAN IALAH) SEBAGAI JANJI YANG BENAR YANG DITETAPKAN OLEH ALLAH DI DALAM
(KITAB-KITAB) TAURAT DAN INJIL SERTA AL-QURAN, DAN SIAPAKAH LAGI YANG LEBIH
MENYEMPURNAKAN JANJINYA DARIPADA ALLAH?. OLEH ITU, BERGEMBIRALAH DENGAN

JUALAN YANG KAMU JALANKAN JUAL BELINYA ITU, DAN (KETAHUILAH BAHAWA) JUAL BELI (YANG SEPERTI ITU) IALAH KEMENANGAN YANG BESAR". (AT-TAUBAH 111)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH.

1. PADA HARI JUMAAT YANG PENUH KEBERKATAN INI, SAYA BERPESAN KEPADA DIRI SAYA DAN KEPADA SIDANG JUMAAT SEKALIAN, MARILAH SAMA-SAMA KITA MENINGKATKAN KETAQWAAN KITA KEPADA ALLAH S.W.T DENGAN CARA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MELAKSANAKAN SEGALA PERINTAHNYA DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGANNYA. MUDAH-MUDAHAN KITA MEMPEROLEHI KEBERKATAN DAN KEREDHAAN SERTA PERLINDUNGAN ALLAH S.W.T DI DUNIA DAN DI AKHIRAT. MIMBAR JUMAAT MINGGU INI AKAN MENYOROT KEMBALI PERANAN DAN TUGAS TLDM SERTA MEMPERINGATKAN KEMBALI TENTANG AMANAH, TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB WARGA TLDM SEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN TLDM KE 83 DENGAN TEMA SAMBUTAN, '**TLDM SIAP SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA**'.

TUAN-TUAN SIDANG JUMAAT WARGA TLDM YANG DIRAHMATI ALLAH,

2. INSTITUSI KETENTERAAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI STRUKTUR SESEBUAH NEGARA. SALAH SATU TUJUAN UTAMA INSTITUSI INI IALAH UNTUK MENENTUKAN ASPEK KEAMANAN DAN KEDAULATAN NEGARA TETAP TERPELIHARA.

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM), SEBAGAI SALAH SATU CABANG ANGKATAN TENTERA MALAYSIA MEMPUNYAI PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN, KESELAMATAN DAN KEAMANAN NEGARA MALAYSIA. PERLU DITEGASKAN BAHAWA TLDM BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGAWASAN DAN PERTAHANAN MARITIM NEGARA MELIPUTI 603,210 KILOMETER PERSEGI (IAITU HAMPIR DUA KALI GANDA KELUASAN DARATAN MALAYSIA, IAITU 329,860 KILOMETER PERSEGI). SEHUBUNGAN DENGAN ITU SELURUH ORGANISASI TLDM YANG MERANGKUMI KEPIMPINAN DAN WARGANYA MEMPUNYAI TUGAS, AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG CUKUP BESAR.

3. TLDM TELAH MELALUI BEBERAPA FASA PENTING SEJAK PENUBUHANNYA, 83 TAHUN YANG LALU, PADA TAHUN 1934. PADA PERINGKAT AWAL, TLDM BERPERANAN MEMPERTAHANKAN KAWASAN PERAIRAN TANAH MELAYU DARI ANCAMAN JEPUN,

ANCAMAN KOMUNIS DAN ANCAMAN PENYELUDUPAN. PERANAN TLDM MASA KINI MENJURUS KEPADA KEPERLUAN MENYEDIAKAN ANGKATAN YANG MAMPU MENANGANI ANCAMAN *ASYMMETRIC* DAN ANCAMAN EMPAT DIMENSI.

4. MENYENTUH TENTANG TEMA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN TLDM PADA TAHUN INI IAITU 'TLDM SIAP SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA', MIMBAR SUKA MENINGATKAN BAHAWA KESIAPSIAGAAN MERUPAKAN OBJEKTIF STRATEGIK UTAMA YANG SENTIASA DIBERI PERHATIAN OLEH TLDM. TAHAP KESIAGAAN YANG TINGGI AKAN MENENTUKAN KEDAULATAN DAN KEPENTINGAN MARITIM NEGARA SENTIASA TERPELIHARA. KESIAPSIAGAAN TLDM DIUKUR BERDASARKAN KEPADA KESEDIAAN DAN KEUPAYAAN ASET UNTUK MELAKSANAKAN SEBARANG OPERASI DAN MISI YANG DITUGASKAN. SELAIN DARI ITU KEUPAYAAN KESIAPSIAGAAN TLDM TURUT DITAGIH SERTA MAMPU UNTUK MELAKSANAKAN OPERASI DALAM EMPAT DIMENSI PEPERANGAN MASA KINI DAN MASA HADAPAN IAITU PEPERANGAN PARAS PERMUKAAN, BAWAH PERMUKAAN, UDARA DAN INFORMASI. PERLU DITEKAN JUGA BAHAWA KESIAGAAN TLDM BUKAN SEMATA-MATA BERGANTUNG PADA KEUPAYAAN ASET TETAPI IA JUGA MELIBATKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN TERAMPIL. DALAM HAL INI, TAHAP PROFESIONALISME DAN KECEKAPAN '*THE NAVY PEOPLE*' PERLU DIPERTINGKATKAN SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN DAN CABARAN SEMASA.

5. DALAM KONTEKS 'KESIAPSIAGAAN' DAN 'PROFESIONALISME' INI, TLDM PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA DUA CIRI UTAMA IAITU AL-AMIN (AMANAH) DAN AL-QAWIY (KEKUATAN) DALAM DIRI SETIAP WARGA TLDM. CIRI-CIRI INI DIPERLUKAN BAGI MENJAYAKAN LAGI ORGANISASI TLDM DALAM PELAKSANAAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWABNYA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, DALAM KONTEKS KITA SEBAGAI INSAN MUSLIM, LEBIH-LEBIH LAGI SEBAGAI WARGA TLDM, KITA MEMPUNYAI AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG CUKUP BESAR BAGI MENENTUKAN TLDM TERUS SIAP SIAGA BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN PERAIRAN DAN KEDAULATAN NEGARA KITA SENTIASA TERPELIHARA. KESEMUA INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI TUNTUTAN AGAMA DAN MEMENUHI PERINTAH ALLAH S.W.T.

6. UNTUK MENCAPAI HASRAT DAN CITA-CITA TERSEBUT, ANTARA ASPEK YANG WAJIB DILAKSANAKAN OLEH KITA WARGA TLDM, IALAH PELAKSANAAN IBADAH DALAM RUKUN

ISLAM YANG LIMA DENGAN PENUH KESUNGGUHAN DAN KESEDARAN. NABI MUHAMMAD S.A.W BERSABDA YANG BERMAKSUD, “ISLAM DIBINA DI ATAS LIMA PERKARA: MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH, MENUNAIKAN SEMBAHYANG, MENGELUARKAN ZAKAT, MELAKUKAN PUASA RAMADHAN DAN MELAKSANAKAN IBADAH HAJI ”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH.

7. KESEMUA IBADAH TERSEBUT JIKA DILAKUKAN DENGAN CARA YANG BETUL DAN BERKUALITI, MAMPU MEMBINA INDIVIDU, KELUARGA DAN MASYARAKAT YANG CEMERLANG DAN UNGGUL. PERKARA INI TELAH DIBUKTIKAN OLEH PARA SAHABAT NABI SERTA UMAT ISLAM GENERASI TERDAHULU. MEREKA ADALAH GENERASI YANG TAAT KEPADA PERINTAH ALLAH DAN MEREKA JUGALAH YANG MAMPU MENGGEGAR EMPAYAR ROM DAN PARSISERTA DUNIA KESELURUHANNYA. SEDANGKAN SEBELUM ISLAM, MEREKA LANGSUNG TIDAK DIKENALI. MEREKA MENJADI HEBAT KERANA MEREKA MENDAULATKAN AJARAN ALLAH, MEREKA MEMPERKASAKAN *HABLUMMINALLAH*. BERDASARKAN SEJARAH PADA ZAMAN KHULAFA AR-RASYIDIN, SELEPAS WILAYAH-WILAYAH ROM DIJAJAH, PARA PEMBESAR ROM BERBINCANG SESAMA SENDIRI DAN KAGUM TERHADAP KEHEBATAN TENTERA ISLAM. ANTARA PANDANGAN MEREKA SEPERTI YANG DICATAT OLEH AHMAD BIN MARWAN DALAM KITAB ‘ AL-MUJALISAH’ MENYEBUTKAN, “MEREKA (TENTERA ISLAM) MENDIRIKAN SOLAT DI MALAM HARI DAN BERPUASA DI SIANG HARI. MEREKA MENEPATI JANJI, MENYURUH ORANG MELAKUKAN KEBAIKAN, MELARANG DARIPADA KEJAHATAN DAN MEMBAHAGIKAN HARTA RAMPASAN DENGAN SEMPURNA SESAMA MEREKA”. ITULAH DI ANTARA KEKUATAN YANG ADA DALAM KALANGAN TENTERA ISLAM YANG MENGHAYATI RUKUN ISLAM SEPENUHNYA SEHINGGA MELAYAKKAN MEREKA MENJADI UMAT YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG, SERTA MENJADI ANGGOTA TENTERA YANG DIGERUNI YANG MENJADI BENTENG YANG AMPUH DALAM PERTAHANAN DAN KEDAULATAN NEGARA.

SIDANG JUMAAT THE NAVY PEOPLE YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

8. DALAM USAHA UNTUK MEMASTIKAN TLDM TERUS SIAP SIAGA DAN SENTIASA BERADA PADA TAHAP YANG TINGGI BAGI MENJAGA KESELAMATAN DAN KEDAULATAN MARITIM NEGARA, SEKALIGUS MENDAPAT KEPERCAYAAN RAKYAT DAN NEGARA, SEMUA

WARGA TLDM PERLU MENYEDIAKAN DIRI DARI ASPEK MENTAL, FIZIKAL SERTA SPIRITUAL UNTUK MELALUI PROSES KESIAPSIAGAAN DALAM SEMUA ASPEK DAN SENTIASA MENINGKATKAN TAHAP KEUPAYAAN MASING-MASING. SARANAN INI MENEPATI APA YANG DIPERINTAHKAN OLEH ALLAH S.W.T MELALUI SURAH AL-ANFAL AYAT 60.

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ
وَأَخْرَيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تظَلْمُونَ ٦٠

“DAN SEDIAKANLAH UNTUK MENENTANG MEREKA (MUSUH YANG MENCEROBOH) SEGALA JENIS KEKUATAN YANG DAPAT KAMU SEDIAKAN DAN DARI PASUKAN-PASUKAN BERKUDA YANG LENGKAP SEDIA, UNTUK MENGGERUNKAN DENGAN PERSEDIAAN ITU MUSUH ALLAH DAN KAMU SERTA MUSUH-MUSUH YANG LAIN DARI MEREKA YANG KAMU TIDAK MENGETAHUINYA, SEDANG ALLAH MENGETAHUINYA. DAN APA SAHAJA YANG KAMU BELANJAKAN PADA JALAN ALLAH AKAN DISEMPURNAKAN BALASANNYA KEPADA KAMU DAN KAMU TIDAK AKAN DIANIAYA .”

9. SESUAI DENGAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB BERAT YANG SEDANG DIPIKUL, WARGA TLDM TIDAK BOLEH SAMA SEKALI MEMBENARKAN SEBARANG ELEMEN YANG MEMECAHBELAHKAN KESATUAN YANG SEDIA ADA. KITA PERLU BERSATU TEGUH SERTA MEMPUNYAI *ESPRIT DE CORPS* DAN MORAL YANG TINGGI. WARGA TLDM PERLU PROFESIONAL, BERKETERAMPILAN SERTA MEMPUNYAI *ATTITUDES, SKILLS AND KNOWLEDGE* DI TAHAP YANG MEMBANGGAKAN. SEMUA CIRI-CIRI KESIAGAAN DALAM TLDM SEPERTI MOBILITI (MOBILITY) DAN SERBA BOLEH (VERSATILITY) PERLU DIGABUNG DAN DIJALIN BAGI MENJADIKAN TLDM SEBAGAI SEBUAH TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA. KITA PERLU TERUS BERUSAHA KE ARAH TERSEBUT INI DAN INI MENEPATI APA YANG TELAH DIFIRMANKAN OLEH ALLAH DALAM SURAH AS-SOFF AYAT 4.

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُفْتَلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَانَتْهُمْ بَنِينَ مَرَّصُونَ ٤

“SESUNGGUHNYA ALLAH MENGASIHI ORANG-ORANG YANG BERPERANG UNTUK MEMBELA AGAMANYA, DALAM BARISAN YANG TERATUR RAPI, SEOLAH-OLAH MEREKA SEBUAH BANGUNAN YANG TERSUSUN KUKUH”.

TUAN-TUAN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH.

10. MARILAH KITA TERUS BERJUANG DAN BERKHIDMAT DENGAN PENUH KEIKHLASAN DAN MENJADIKAN KERJAYA KITA INI SATU IBADAH. PROFESYEN KETENTERAAN ADALAH SATU PROFESYEN YANG AMAT PENTING KERANA PERANAN DAN TUGAS ANGGOTA TENTERA INI MEMENUHI TUNTUTAN LIMA PERKARA YANG SELARI DENGAN KEHENDAK ISLAM ATAU YANG DISEBUT SEBAGAI AL-MAQASID AL-SYARIAH IAITU MENJAGA AL-DIN (AGAMA), MENJAGA AKAL (KEAMANAN), MENJAGA JIWA (NYAWA), MENJAGA KEHORMATAN (KEDAULATAN) DAN MENJAGA HARTA (ASET SERTA KEPENTINGAN NEGARA DAN KERAJAAN). OLEH ITU SELURUH WARGA TLDM, SEMPENA DENGAN HARI ULANG TAHUN TLDM YANG KE 83 INI, MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGHAYATI FIRMAN ALLAH DALAM SURAH AT-TAUBAH AYAT 41 YANG BERMAKSUD:

“PERGILAH KAMU BERAMAI-RAMAI (UNTUK BERPERANG PADA JALAN ALLAH), SAMAADA DENGAN KEADAAN RINGAN (DAN MUDAH BERGERAK) ATAUPUN DENGAN KEADAAN BERAT (DISEBABKAN BERBAGAI-BAGAI TANGGUNGJAWAB) DAN BERJIHADLAH DENGAN HARTA BENDA DAN JIWA KAMU PADA JALAN ALLAH (UNTUK MEMBELA ISLAM) YANG DEMIKIAN AMATLAH BAIK BAGI KAMU, JIKA KAMU MENGETAHUI”.

TUAN-TUAN SIDANG JUMAAAT YANG DIRAHMATI ALLAH.

11. MENGAKHIRI KHUTBAH, MIMBAR INGIN BERPESAN KEPADA PARA JEMAAH, KHUSUSNYA KEPADA WARGA TLDM SEKALIAN, MARILAH KITA SAMA-SAMA UNTUK MENGINGATI DIRI KITA BAHAWA, KITA ADALAH PEJUANG, KITA ADALAH PAHLAWAN, KITA ADALAH BENTENG PERTAHANAN NEGARA, KITA ADALAH PEMEGANG AMANAH MENJAGA KESUCIAN AGAMA, KEHORMATAN BANGSA SERTA KEDAULATAN NEGARA TERCINTA.

12. SELAIN DARI ITU, MIMBAR JUGA INGIN BERPESAN AGAR WARGA TLDM SENTIASA BERUSAHA MEMPERTINGKATKAN KEIMANAN DAN MEMPERBANYAKKAN TAWAKKAL KEPADA ALLAH SERTA BERKHIDMAT DENGAN PENUH IKHLAS DAN AMANAH MENGIKUT AJARAN ISLAM. INSYAALLAH, AGAMA, KEDAULATAN, BANGSA DAN NEGARA AKAN TERPELIHARA SERTA MENDAPAT PERLINDUNGAN ALLAH. INGATLAH, KEUTUHAN TLDM

DALAM SEMUA ASPEK MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA BENTENG KETAHANAN NEGARA. COGAN KATA 'SEDIA BERKORBAN' PERLU DIHAYATI DALAM ERTI KATA YANG MENYELURUH MERANGKUMI KESEDIAAN BERKORBAN DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA. UNTUK ITU, SEMOGA SEGALA AMAL BAKTI DAN KERJAYA KITA INI DIKATEGORIKAN SEBAGAI AMAL KHAIR DISISINYA. FIRMAN ALLAH DALAM SURAH AL-BAQARAH AYAT 216.

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَن تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَن تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٢١٦

"KAMU DIWAJIBKAN BERPERANG (UNTUK MENENTANG PENCEROBOHAN) SEDANG PEPERANGAN ITU IALAH PERKARA YANG KAMU BENCI DAN BOLEH JADI KAMU BENCI KEPADA SESUATU PADAHAL IA BAIK BAGI KAMU, DAN BOLEH JADI KAMU SUKA KEPADA SESUATU PADAHAL IA BURUK BAGI KAMU DAN (INGATLAH), ALLAH JUALAH YANG MENGETAHUI (SEMUANYA ITU), SEDANGKAN KAMU TIDAK MENGETAHUINYA",

13. INTISARI KHUTBAH PADA HARI INI IALAH:

- A. ALLAH MENYUKAI ORANG-ORANG YANG BERPERANG UNTUK MEMBELA AGAMANYA.
- B. PERSIAPAN DARI SEGI MENTAL DAN FIZIKAL ADALAH PENTING BAGI MELETAKKAN ANGKATAN LAUT YANG KREDIBEL DAN EFISIEN.
- C. BERSIKAP AMANAH DALAM SETIAP PERKARA YANG DILAKUKAN OLEH SETIAP WARGA TLDM KHASNYA DAN WARGA ATM AMNYA.

14. بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ . وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ . فَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ . يَقُولُ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ "النَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ

كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ . التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ حَبِيبُ الرَّحْمَنِ " تُوْبُوا إِلَى اللَّهِ

أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ

KHUTBAH KEDUA

الحمد لله القائل . وتوكل على الحى الذي لا يموت وسبح بحمده وكفى به بذنوب عباده خبيرا . أشهد أن لا اله الا الله وحده لا شريك له و أشهد أن محمدا عبده ورسوله . اللهم صل وسلم وبارك على سيدنا وحبينا محمد وعلى اله وأصحابه أجمعين.

اما بعد. فيا عباد الله. اتقوا الله لعلكم تفلحون . قال الله تعالى فى كتابه العزيز. كذلك أرسلناك فى أمة قد خلت من قبلها أمم لتتلوا عليهم الذى أوحينا اليك وهم يكفرون بالرحمن . قل هو ربي لا اله الا هو عليه توكلت واليه متاب .

MAKSUDNYA: DEMIKIANLAH KAMI UTUSKAN ENGKAU WAHAI MUHAMMAD KEPADA SUATU UMAT YANG TELAH LALU SEBELUMNYA BEBERAPA UMAT YANG LAIN, SUPAYA ENGKAU MEMBACAKAN KEPADA MEREKA AL-QURAN YANG KAMI WAHYUKAN KEPADAMU, SEDANG MEREKA KUFUR KEPADA ALLAH.

KATAKANLAH DIA TUHANKU TIADA TUHAN YANG DISEMBAH MELAINKAN DIA, KEPADANYALAH AKU BERSERAH DIRI DAN KEPADANYALAH TEMPAT KEMBALIKU.

SAUDARA MUSLIMIN SIDANG JUMAAT SEKELIAN

MARILAH KITA BERSERAH KEPADA ALLAH ATAS SEGALA APA JUA USAHA DAN IKHTIAR YANG KITA LAKUKAN SEMASA KITA HIDUP DI DUNIA INI. MARILAH KITA JADIKAN ALLAH SEBAGAI TEMPAT TUMPUAN HATI DAN JIWA KITA. MARILAH KITA MENJUNJUNG SEGALA PERINTAHNYA DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGANNYA. MUDAH-MUDAHAN DENGAN ITU AKAN BESARLAH HENDAKNYA RAHMAT DAN KASIH SAYANG YANG AKAN DILIMPAHKAN OLEH ALLAH KEPADA KITA.

اللهم اغفر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات الاحياء منهم والاموات . ربنا عليك توكلنا واليك أنبنا واليك المصير .

YA ALLAH, KURNIAKANLAH PETUNJUK DAN HIDAYAHMU KEPADA RAJA KAMI, DULI YANG MAHA MULIA, PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH ALMAGHFURLAH DAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU ZARA SALIM.

YA ALLAH, DIHARI YANG PENUH KEBERKATAN INI KAMI MEMOHON KEHADRATMU AGAR ENKAU KURNIAKAN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN KEPADA SELURUH WARGA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA WALAU DI MANA JUGA MEREKA BERADA. ANUGERAHKANLAH KERAHMATAN DAN KENIKMATAN YANG BERTERUSAN KEPADA KAMI SUPAYA KAMI DAPAT MENERUSKAN USAHA KE ARAH MEMARTABKAN KESUCIAN AGAMA DAN KEDAULATAN TANAH AIR TERCINTA INI.

ربنا أتنا فى الدنيا حسنة وفى الآخرة حسنة وقتنا عذاب النار . عباد الله . ان الله
يأمر بالعدل والاحسان وايتاء ذى القربى وينهى عن الفحشاء والمنكر والبغى .
يعظكم لعلمكم تذكرون . فاذكروا الله العظيم يذكركم . ولذكر الله أكبر . و الله يعلم ما
تصنعون .